

ANALISIS HADIS DALAM KITAB “KESELAMATAN KAUM IBU KEPADA JALAN YANG DITUJU” (1968) TULISAN AISHAH BINTI MUHAMMAD SALEH

Nur Saadah Hamisan@Khair ⁱ, Norhasnira Ibrahim ⁱⁱ, Nor Aniza Mad Azeri ⁱⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Emel: saadahkhair@usim.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Emel: norhasnira@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Emel: anizaazeri@gmail.com

ABSTRAK

Aishah binti Haji Muhammad Saleh merupakan cucu kepada Haji Muhammad Yusuf bin Ahmad al-Kalantani yang lebih dikenali dengan gelaran Tok Kenali. Beliau adalah seorang ulama terkenal berasal dari negeri Kelantan dan dianggap sebagai pemikir ulung Melayu pada awal abad ke-20. Melalui hasil didikan yang diperolehi daripada bapanya, Aishah menyambung tradisi keilmuan dengan mengajar dan juga menghasilkan beberapa karya penulisan. Antara kitab beliau adalah *Keselamatan Kaum Ibu kepada Jalan yang Dituju* yang selesai ditulis pada 25 Disember 1968 seperti yang tercatat pada halaman kulit buku. Kitab ini mengandungi teks agama yang bersandarkan kepada sumber al-Quran dan hadis, serta bertemakan wanita. Oleh itu, kajian ini memfokuskan untuk meneliti dan menganalisis sejumlah hadis sahaja berdasarkan kaedah takhrīj hadis. Metodologi kajian yang digunakan sebahagian besarnya adalah kualitatif dengan mengaplikasikan pendekatan tekstual dan analisis kandungan. Hasil kajian menunjukkan terdapat status hadis yang berbeza mengenai wanita dalam kitab ini. Namun, ia tidak menunjukkan bahawa penulis tidak mempunyai kesedaran berhubung perkara ini. Sumbangan beliau dalam penulisan dan tradisi ilmu adalah penting untuk dihargai dan menjadi rujukan serta inspirasi bagi generasi kini.

Kata-kata kunci: Hadis, Melayu, Ulama, Wanita.

PENDAHULUAN

Negeri Kelantan dikenali sebagai salah satu pusat perkembangan agama Islam yang aktif di Nusantara, terutamanya di Semenanjung Tanah Melayu. Sejak abad ke-18M., ramai ulama Melayu telah dilahirkan di Kelantan dan mereka telah menyemarakkan penyebaran agama Islam ke seluruh rantau tanah Melayu. Mereka juga turut memainkan peranan penting sebagai pendakwah, pendidik dan pembentuk masyarakat Melayu yang berlandaskan syariat Islam dengan berpaksikan al-Quran dan hadis sebagai panduan dalam kehidupan.

Kelantan juga menjadi pusat pendidikan agama Islam dan menjadi tumpuan para ulama Melayu dari negara luar seperti Aceh, Indonesia dan juga Pattani, Selatan Thailand. Dengan berkumpulnya para ulama besar tersebut, maka terdapat banyak pondok dan madrasah (sekolah agama tradisional) yang didirikan untuk masyarakat umum sebagai tempat untuk mempelajari ilmu-ilmu agama seperti al-Quran, hadis, tauhid, fiqh, tasawuf dan sebagainya pada abad ke-19M. Antara contoh ulama Melayu Kelantan tersohor yang telah mengasaskan pondok masing-masing di Kelantan ialah Tok Pulau Chondong (m.1873), Tok Konok (m.1893), Tuan Tabal (m.1894), Tok Wan Ali Kutan (m.1913), Tok Kenali (m.1933), Tok Selehor (m.1935) dan ramai lagi (Ismail Che Daud, 2001; Mohd Zahirwan et al., 2022).

Para ulama tersebut kemudiannya telah mewariskan segala keilmuan dan kemahiran mereka dalam agama Islam kepada anak cucu keturunan mereka serta kepada para murid yang telah dibimbing dan dididik dengan penuh kesabaran tanpa rasa putus asa. Secara umumnya, majoriti ulama Melayu kelahiran negeri Kelantan adalah daripada kaum lelaki. Tidak ramai yang mengetahui bahawa Kelantan juga memiliki ulama wanita yang telah menyumbang kepada perkembangan ilmu Islam di negeri ini seperti Hajjah Khadijah binti Abdul Rahman (m.1993). Beliau merupakan anak kepada Tok Selehor atau nama penuhnya Haji Abdul Rahman bin Haji Uthman (m. 1935). Sepanjang hidupnya, beliau telah memberikan sumbangan yang besar sebagai pendidik, pendakwah dan juga penulis karya-karya Jawi di Semenanjung Tanah Melayu pada abad ke-20M. (Nik Safiah Karim, 2014; Dusuki Ahmad (2016); Norhasnira Ibrahim et al., 2024). Disamping itu, susur galur keturunan Tok Kenali juga telah melahirkan seorang ulama wanita daripada lapisan cucu beliau, iaitu Aishah binti Muhammad Saleh bin Tok Kenali Haji Muhammad Yusuf bin Ahmad. Beliau juga telah memberikan sumbangan yang besar sebagai pengarang kitab Jawi di negeri Kelantan, dan perbincangan mengenainya akan diperincikan dalam sub-topik yang seterusnya.

Pengenalan kepada kitab dan penulis

Aishah binti Haji Muhammad Saleh merupakan cucu kepada Haji Muhammad Yusuf bin Ahmad al-Kalantani yang lebih dikenali dengan gelaran Tok Kenali (1870 – 1933). Tok Kenali bernikah pada usia yang muda iaitu 16 tahun. Pasangannya, dikenali sebagai Mek Nik, tetapi perkahwinannya hanya berlangsung selama setahun dan mereka berpisah tanpa memiliki anak. Selepas kegagalan dalam perkahwinan pertamanya, beliau memutuskan untuk hidup bujang sehingga menyelesaikan pengajian di Mekah dan kembali ke tanah air. Pada masa itu, beliau memutuskan untuk berkahwin dengan seorang janda bernama Rokiah binti Haji Mahmood. Perkahwinan ini berlangsung sehingga akhir hayatnya.

Hasil daripada perkahwinan tersebut, Tok Kenali dikurniakan empat orang anak lelaki, iaitu Haji Ahmad (Tok Bakok), Haji Muhammad Saleh, Haji Mahmud, dan Haji Abdullah Zawawi. Keempat-empat anak Tok Kenali mewarisi kealiman ayahanda mereka, tetapi hanya seorang sahaja berada di Kelantan dan menyambung sistem pondok yang diasaskan oleh ayahnya. Sementara itu, tiga anak yang lain memilih untuk menetap di Mekah termasuklah bapa kepada Aishah.

Bapa Aishah adalah anak kedua Tok Kenali yang diberi nama Muhammad Saleh bin Muhammad Yusuf. Beliau dilahirkan di Kampung Kenali, Kubang Kerian, Kota Bharu pada tahun 1911. Pendidikan awalnya diperolehi daripada ayahnya sendiri (Tok Kenali) sebelum berangkat ke Mekah ketika berusia 16 tahun dan berguru dengan lebih kurang 44 ulama di Masjidil Haram selama hampir 20 tahun. Beliau memperoleh kerakyatan Arab Saudi, dan telah diberi kepercayaan untuk mengajar di Masjidil Haram, Mekah. Beliau menghasilkan kira-kira 80 judul buku yang merangkumi pelbagai bidang ilmu Islam, dan meninggal dunia di Mekah pada 22 Jun 1984 (Tengku Yusuf, 2021).

Terdapat catatan menyatakan bahawa Haji Muhammad Saleh telah mendirikan persatuan “Darul-Islah” yang menjadi tempat perhimpunan bagi mereka yang berasal dari Tanah Melayu, Patani, Kemboja, Indonesia dan lain-lain yang datang ke Tanah Suci Mekah terutamanya pada musim haji. Persatuan ini juga akan memperingati dan memperkenalkan Tok Kenali dan jasa yang telah beliau sumbangkan. Sebuah persatuan lagi didirikan oleh beliau diberi nama “Darul-Quran” bertempat di Misfalah, Mekah.

Melalui kisah hidup Haji Muhammad Saleh dan penghijrahannya ke Mekah, terdapat kebarangkalian besar bahawa seluruh ahli keluarganya mungkin menetap di Mekah dalam tempoh yang lama. Anaknyanya Aishah juga dipercayai membesar di Mekah dan menyumbang dalam tradisi keilmuan di sana. Namun, hubungan mereka sekeluarga dengan saudara-mara dan anak-anak murid di Tanah Melayu tetap utuh walaupun berada jauh di Tanah Haram. Butiran lanjut mengenai adik-beradik Aishah tidak ditemui dalam teks sejarah. Cucu-cucu Tok Kenali lain yang dikenali adalah Hajah Rahmah dan Haji Lokman iaitu anak kepada Haji Ahmad yang meneruskan warisan ayahandanya dalam bidang pendidikan di Kelantan.

Keselamatan Kaum Ibu kepada Jalan yang Dituju

Maklumat tentang buku ini ditemui dalam hasil kajian yang dijalankan oleh Wan Mohd Saghir Abdullah dan Abdul Razak Abd Rahman (2019) yang mengumpulkan beberapa karya yang ditulis oleh ulama wanita dalam buku yang bertajuk *Himpunan Kitab Turath Karya Ulama Perempuan di Alam Melayu*. Terdapat dua buku yang dihimpunkan di bawah nama Aishah binti Muhammad Saleh iaitu *Keselamatan Kaum Ibu kepada Jalan yang Dituju* dan *Risalah Kebun Persekutuan Kaum Pemuda kepada Jalan Tuhan yang Diikuti*. Hakikatnya, kedua-dua buku ini mempunyai kandungan yang hampir sama, tetapi telah diterbitkan pada waktu yang berbeza. Oleh itu, kajian ini memilih *Keselamatan Kaum Ibu kepada Jalan yang Dituju* kerana ia lebih awal diterbitkan.

Penulisan kitab *Keselamatan Kaum Ibu kepada Jalan yang Dituju* telah diselesaikan pada 25 Disember 1968. Tarikh tersebut tercatat pada halaman kulit buku di bawah nama Aishah binti Muhammad Saleh (Wan Mohd Saghir & Abdul Razak, 2019). Ia dicetak dan diterbitkan oleh Matba'ah al-Ahliyyah, Kota Bharu, Kelantan. Di kulit kitab ini, tertulis kenyataan seperti berikut:

Terhimpun 50 ayat Quran dan 50 sayyid 'adnan yang terwajib ke atas kaum ibu mengambil tahu perkara-perkara ugama (Islam) daripada

Quran Hadis menulis akan dia oleh pemudi bagi pemuda di Mekah al-Mukarramah murid Madrasah al-Na'im lilbanat.

Catatan tersebut menunjukkan bahawa proses pengumpulan ayat-ayat al-Quran dan hadis Nabi SAW telah dibantu oleh pelajar-pelajar perempuan di Madrasah al-Naim lil Banat yang turut menyumbang dalam penghasilan karya ini. Walaupun demikian, apabila dibaca keseluruhan isi buku, ia mengandungi 50 ayat al-Quran yang terdiri daripada 16 surah yang berbeza, dan 68 hadis iaitu jumlah yang tidak sama seperti yang dinyatakan di kulit buku. Kesemua ayat al-Quran dan hadis tersebut adalah bertemakan perempuan, mungkin disebabkan itulah Aishah mengatakan bahawa karya ini ditujukan khas buat kaum ibu. Beliau menulis:

Wahai kaum ibuku, bahawa tiada dapat tiadalah di atas kamu mengambil ketahui beberapa ayat Quran dan Hadis yang bergantung kedua-dua dengan kamu. Supaya tiada meninggal akan yang sedikit kerana tiada yang banyak. (Hal. 1)

Selepas kenyataan tersebut, Aishah menyambung bahawa penerangan kepada ayat-ayat al-Quran yang dikumpulkan adalah bersumberkan kitab *Tafsir al-Jalalain* yang ditulis oleh Muhammad bin Ahmad al-Mahalli dan Abdul Rahman ibn Abu Bakar al-Suyuti. Setiap ayat disusun dengan nombor 1 hingga 50, dan disertakan nombor ayat serta nama surah, tetapi tidak diletakkan baris. Selepas setiap ayat terus diikuti dengan penerangan bagi ayat tersebut. Satu-satunya ayat yang tidak dinyatakan nombor dan nama surah ialah ayat ke-50 (ayat 3 daripada Surah al-Lahab), dan diletakkan 'tamat' selepas penerangan bagi ayat tersebut.

Pada halaman 34, Aishah memulakan bahagian baharu dengan *bismillahirrahmanirrahim* dan memberi kata aluan sebelum menyusun hadis-hadis yang dipilihnya. Pada bahagian pertama, terdiri daripada 23 hadis yang diambil daripada kitab *al-Zawajir* yang ditulis oleh Imam Ibn Hajar al-Makki. Kesemua hadis ini membincangkan mengenai dosa-dosa besar yang sering dilakukan oleh perempuan. Setiap hadis diletakkan nombor mengikut turutan, tetapi sayangnya, semua hadis tidak dinyatakan teks hadis (*matn*) yang penuh dan hanya beberapa hadis sahaja yang menyatakan sumber asal bagi setiap hadis.

Kemudian, Aisyah menambah 25 hadis daripada kitab-kitab hadis yang masyhur seperti *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Sunan Abu Daud*, *Sunan al-Tirmizi*, *Sunan Ibnu Majah*, *Mu'jam al-Tabarani* dan lain-lain. Keseluruhan hadis dalam bahagian ini berkaitan dengan panduan hidup yang dikhususkan kepada kaum perempuan dalam pelbagai aspek kehidupan menurut Islam seperti peranan perempuan dalam rumah tangga, penggunaan wangi-wangian, bahaya emas dan za'faran bagi perempuan dan lain-lain. Hadis-hadis ini disusun mengikut nombor, dan sebahagiannya disertakan sumber asal di akhir hadis, malah terdapat juga beberapa hadis yang dinyatakan perawinya.

Pada bahagian seterusnya, beliau memasukkan 19 hadis yang diambil dalam kitab Ibnu Hajar al-Hafiz berkaitan dengan amalan-amalan yang boleh dilakukan oleh perempuan untuk

memperoleh keampunan Allah SWT. Secara keseluruhannya, buku ini mengandungi 68 hadis atau lebih, tidak sama seperti yang dinyatakan pada tajuk buku ini.

Kemudian, buku ini ditutup dengan sepatah kata yang ditulis oleh penulis kaum ibu iaitu Aishah, dan sepatah kata daripada kaum ibu di Mekah al-Mukarramah. Penutup buku diakhiri dengan kata-kata Haji Muhammad Saleh dengan catatan tarikh 18 Januari 1969, iaitu selepas sebulan lebih daripada tarikh buku tersebut selesai ditulis.



Rajah 1: Kulit buku *Keselamatan Kaum Ibu kepada Jalan yang Dituju*
tulisan Aishah binti Muhammad Saleh

Bapa Aishah, iaitu Haji Muhammad Saleh, anak kepada Tok Kenali merupakan pentashih kepada isi kandungan kitab tersebut. Hal ini diketahui apabila terdapat sebuah lagi buku diterbitkan dengan isi yang sama di bawah judul buku yang berbeza iaitu *Kebun Persekutuan Kaum Pemudi kepada Jalan Tuhan yang Diikuti*. Ia mengandungi 76 halaman, dan tiada catatan tarikh diselesaikan atau penerbitan, tetapi terdapat tarikh pada halaman 'Sepatah Kata' oleh Haji Muhammad Saleh iaitu 11 November 1978. Karya ini diterbitkan oleh The United Press yang merupakan antara syarikat percetakan terawal di Pulau Pinang. Walaupun tajuk buku ini adalah berbeza dengan buku sebelum ini, namun isi kandungan dan susunannya adalah sama seperti mana yang terkandung dalam *Keselamatan Kaum Ibu kepada Jalan yang Dituju*. Terdapat kebarangkalian besar bahawa ia menggunakan judul berbeza bagi menunjukkan ia adalah cetakan kedua yang diakhiri dengan beberapa topik tambahan yang menyebabkan kedua-duanya mempunyai sedikit perbezaan.

METODOLOGI KAJIAN

Sebagai kajian kualitatif, kajian ini menggunakan analisis tekstual dan kandungan. Analisis tekstual digunakan dalam penyelidikan yang mengumpulkan dan menjelaskan maklumat daripada dokumen tertentu (Mckee, 2003). Ia diaplikasikan dalam kajian ini untuk meneliti sumber teks hadis mengenai wanita dalam sebuah buku tulisan Aishah binti Muhammad Saleh bertajuk *Keselamatan Kaum Ibu kepada Jalan yang Dituju*. Sementara itu, analisis kandungan merujuk kepada penilaian terperinci dan teratur mengenai kandungan sesuatu perkara untuk mengenal pasti corak dan tema. Ia sering dilakukan dalam pelbagai bentuk komunikasi manusia, termasuk buku, surat khabar, filem, seni, dan banyak lagi sumber lain (Leedy & Ormrod, 2010). Kajian ini digunakan untuk menganalisis kandungan hadis-hadis bertemakan wanita dalam kitab tersebut.

Walaupun judul buku telah menyatakan terdapat 50 hadis, tetapi jumlah hadis yang sebenar dan terkandung di dalamnya adalah lebih daripada itu. Namun begitu, kajian ini tidak menggunakan keseluruhan hadis tersebut sebagai sampel kajian, sebaliknya memilih 25 hadis sahaja yang tersenarai pada halaman 44 hingga 47, dan majoriti hadis tersebut disertakan dengan sumber asal. Pemilihan ini dibuat kerana keterbatasan masa untuk mencari sumber keseluruhan hadis dalam jumlah yang banyak dan penggunaan istilah bahasa lama yang agak sukar difahami.

Dalam meneliti sumber setiap hadis yang dipilih, *takhrīj al-hadīth* (penilaian dan ulasan hadis) digunakan sebagai kaedah utama dalam menilai dan mencari sumber hadis disebabkan kekurangan maklumat mengenai sumber hadis yang tidak dinyatakan penulis. Sumber hadis boleh diperolehi dengan bantuan teknologi terkini. Antara laman web yang digunakan adalah Maktabah Syamilah (<http://shamela.ws/>), Sunnah.com (<https://sunnah.com/>), dan beberapa laman web lain yang diiktiraf dengan meletakkan sama ada teks penuh hadis; sebahagian daripada teks hadis; atau bahkan terjemahan hadis dalam ejen carian. Laman web yang dipilih ini diketahui merujuk kepada sumber asal dengan meletakkan maklumat rujukan secara terperinci, dan ia telah terbukti sahih.

HASIL KAJIAN & PERBINCANGAN

Dengan menggunakan kaedah yang dinyatakan, terdapat lebih daripada 50 hadis yang disebutkan dalam kitab *Keselamatan Kaum Ibu kepada Jalan yang Dituju*. Tidak semua hadis ditulis dengan disertakan sumber hadis. Namun, kajian ini memfokuskan kepada 25 hadis sahaja berkaitan dengan wanita, dan majoritinya diletakkan sumber di akhir setiap hadis. Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa hadis yang tidak dinyatakan sumber asal. Kesemua hadis tersebut ditulis dalam terjemahan Melayu dalam tulisan Jawi. Oleh itu, kajian ini menyediakan analisis berikut dengan teks lengkap dalam kedua-dua tulisan Jawi dan Arab berserta sumber dan status hadis seperti yang dijelaskan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Hadis berkaitan wanita dalam kitab *Keselamatan Kaum Ibu kepada Jalan yang Dituju*

No	Hadis (Bahasa Melayu)	Teks Hadis Asal (Bahasa Arab)	Sumber dan Status Hadis
1	Sabda Nabi SAW tiada daripada perempuan cabut keinginan pada lain daripada rumahnya melainkan mencarik ia akan barang yang di antaranya dan antara Allah Taala (Tirmizi dan Abu Daud).	<p>إِنَّ الْمَرْأَةَ عَوْرَةٌ ، فَإِذَا خَرَجَتْ اسْتَشْرَفَهَا الشَّيْطَانُ ، وَأَقْرَبَ مَا تَكُونُ مِنْ وَجْهِ رَجُلٍ وَهِيَ فِي فَعْرِ بَيْتِهَا</p> <p>Maksudnya: “Seorang wanita adalah aurat, maka apabila dia keluar, syaitan akan melihatnya, dan sedekat-dekatnya dia dengan wajah Tuhannya ialah di dalam rumahnya.”</p>	<p><i>Sunan al-Tirmidhi</i> (1173)</p> <p>Status: Hadis <i>Hasan Gharib</i></p>
2	Sesiapa hendak datang jumaat daripada laki-laki dan perempuan mandi dilebihi.	<p>إِذَا أَرَادَ أَحَدُكُمْ أَنْ يَأْتِيَ الْجُمُعَةَ فَلْيَغْتَسِلْ</p> <p>Maksudnya: “Sesiapa yang hendak mendirikan solat Jumaat dia hendaklah mandi”.</p>	<p><i>Sahih Muslim</i> (844)</p> <p>Status: Hadis Sahih</p>
3	Mana-mana perempuan berkahwin dengan tiada wali mana berkahwin batal (Bukhari dan Muslim)	<p>عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " إِذَا امْرَأَةٌ نَكَحَتْ بِغَيْرِ إِذْنِ مَوْلَاهَا فَكَأَنَّهَا بَاطِلٌ ". ثَلَاثَ مَرَّاتٍ " فَإِنْ دَخَلَ بِهَا فَالْمَهْرُ لَهَا بِمَا أَصَابَ مِنْهَا فَإِنْ تَشَاخَرُوا فَالسُّلْطَانُ وَلِيُّ مَنْ لَمْ يَلِ وَلِيٌّ لَهُ " .</p> <p>Maksudnya: “Mana-mana perempuan yang berkahwin tanpa inzin walinya, perkahwinan tersebut adalah batal. Baginda mengulanginya sebanyak tiga kali. Apabila disetubuhi oleh pasangannya, dia berhak menerima mas kahwin bagi menghalalkan farajnya. Jika berlaku perbalahan tentang wali, maka sultan ialah wali kepada mereka yang tidak berwali.”</p>	<p><i>Sunan Abu Daud</i> (2083), <i>Sunan Ibn Majah</i> (1881) dan <i>Sunan al-Tirmidhi</i> (1102)</p> <p>Status: Hadis Sahih</p>
4	Dan hendaklah menyentuh tangan oleh perempuan yakni apabila mengena suatu apa-apa dalam sembahyang jaga-jaga bahawa bau perempuan barang yang zahir adalah warnanya dan yang tiada zahir oleh baunya (Tirmizi)	<p>قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " طِيبُ الرَّجَالِ مَا ظَهَرَ رِيحُهُ وَخَفِيَ لَوْنُهُ وَطِيبُ النِّسَاءِ مَا ظَهَرَ لَوْنُهُ وَخَفِيَ رِيحُهُ " .</p> <p>Maksudnya: “Haruman bagi lelaki ialah baunya yang jelas dan warnanya tersembunyi, dan wangi bagi wanita ialah yang nampak warnanya dan baunya yang tersembunyi.”</p>	<p><i>Sunan al-Tirmidhi</i> (2787), <i>Sunan al-Nasa'i</i> (5117)</p> <p>Status: Hadis Sahih</p>
5	Kamu kata (اللهم لبيك محلي من الارض) sabda Nabi SAW kepada perempuan hendaklah buat haji (Bukhari)	<p>عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ دَخَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى صُبَاعَةَ بِنْتِ الزُّبَيْرِ فَقَالَ لَهَا " لَعَلَّكَ أَرَدْتِ الْحَجَّ " . قَالَتْ وَاللَّهِ لَا أَجِدُنِي إِلَّا وَجِعَةً. فَقَالَ لَهَا " حُجِّي وَاشْتَرِطِي،</p>	<p><i>Sahih al-Bukhari</i> (5089), <i>Sahih Muslim</i> (1207 & 1208), <i>Sunan Abu Dawud</i> (1776), <i>Sunan al-Nasa'i</i> (2766)</p>

		<p>قُولِي اللَّهُمَّ مَجَلِّي حَيْثُ حَبَسْتَنِي " . وَكَانَتْ تَحْتِ الْمِقْدَادِ بْنِ الْأَسْوَدِ .</p> <p>Maksudnya: Diriwayatkan oleh `Aisyah: Rasulullah SAW memasuki Duba'a binti Az-Zubair dan berkata kepadanya, "Adakah kamu mempunyai keinginan untuk menunaikan haji?" Dia menjawab, "Demi Allah, saya merasa sakit." Dia berkata kepadanya, "Niatkan untuk mengerjakan haji dan menetapkan sesuatu dengan berkata, 'Ya Allah, saya akan menyelesaikan ihram saya di mana-mana tempat yang Engkau halangi (iaitu saya tidak dapat pergi lebih jauh)." Dia adalah isteri kepada Al-Miqdad bin Al-Aswad.</p>	<p>Sumber: Hadis Sahih</p>
6	<p>Ambil olehmu akan barang yang memada akan kamu dan anak kamu dengan baik sabda Nabi SAW kepada perempuan yang mengegah suaminya daripada memberi nafkah (Al-Bukhari) atau daripada ibarat.</p>	<p>عَنْ عَائِشَةَ . رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا . قَالَتْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " إِذَا أَنْفَقَتِ الْمَرْأَةُ مِنْ طَعَامِ بَيْتِهَا غَيْرَ مُفْسِدَةٍ كَانَ لَهَا أَجْرُهَا بِمَا أَنْفَقَتْ وَلِرِزْقِهَا أَجْرُهَا بِمَا كَسَبَتْ، وَلِلْحَازِنِ مِثْلُ ذَلِكَ، لَا يَنْقُصُ بَعْضُهُمْ أَجْرَ بَعْضٍ شَيْئًا " .</p> <p>Maksudnya: Diriwayatkan oleh `Aisyah: Rasulullah SAW bersabda, “Apabila seorang wanita bersedekah sebahagian dari makanan (yang ada di rumahnya) tanpa merusaknya, maka dia akan mendapat pahala dari apa yang telah dibelanjakannya, dan suaminya mendapat pahala kerana pendapatannya, dan pemilik kedai itu juga mendapat pahala yang serupa dengannya.</p>	<p><i>Sahih al-Bukhari</i> (1425), <i>Sahih Muslim</i> (1024).</p> <p>Status: Hadis Sahih</p>
7	<p>Bagi perempuan dua penutup iaitu kubur dan suami (Tabrani)</p>	<p>للمرأة ستان: القبر، والزوج. قيل وأيهما أفضل؟ قال: القبر</p> <p>Maksudnya: “Seorang wanita mempunyai dua tirai: kubur dan suaminya. Dikatakan mana yang lebih baik? Dia berkata: Kubur”</p>	<p>Al-Tabarani dalam <i>Al-Kabir</i> (12489), <i>Al-Awsat</i> (8476), dan <i>Al-Saghir</i> (1074).</p> <p>Status: Al-Albani berkata dalam <i>Da'if Al-Jami'</i>: Hadis ini Mawdu' (4750).</p>
8	<p>Dua yang daif perempuan dan yatim (Ibnu Siyan)</p>	<p>وعن أبي شريح خويلد بن عمرو الخزاعي رضي الله عنه قال: قال النبي صلى الله عليه وسلم: "اللهم إني أخرج حق الضعيفين اليتيم والمرأة"</p>	<p><i>Sunan Ibn Majah</i> (3678), <i>Musnad Ahmad</i> (9664), dan Al-Nasa'i dalam <i>Al-Sunan Al-Kubra</i> (9149)</p>

		Maksudnya: Daripada Abi Syuraih Khuwailid bin Amru RA katanya: “Rasulullah SAW bersabda: “Ya Allah, sesungguhnya aku sangat mementingkan hak dua orang yang lemah iaitu hak anak yatim dan orang perempuan.”	Status: Hadis Hasan
9	Binasakan mereka itu perempuan oleh dua yang merah emas dan za'faran (Dasuki pada Musnadah)	قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: (ويل للنساء من الأحرار: الذهب والمعصر) Maksudnya: Rasulullah SAW bersabda: “Celakalah wanita kerana dua warna merah: emas dan kuning.”	Ibn Hibban (5968), Al-Bayhaqi (6190), dan Al-Dailami (7138) Status: Hadis Sahih
10	Telah masuk neraka oleh perempuan yang menegah ia akan kucing tiada ia memberi makan akan dia dan tiada ia melepas akan dia memakan ia daripada binatang bumi (Bukhari).	عَدَّتْ امْرَأَةٌ فِي هِرَّةٍ حَبَسَتْهَا، حَتَّى مَاتَتْ جُوعًا، فَدَخَلَتْ فِيهَا النَّارَ. قَالَ فَقَالَ وَاللَّهِ أَغْلَمُ. لَا أَنْتِ أَطْعَمْتِهَا وَلَا سَقَيْتِهَا حِينَ حَبَسْتِهَا، وَلَا أَنْتِ أَرْسَلْتِهَا فَأَكَلَتْ مِنْ حَشَاشِ الْأَرْضِ." Maksudnya: Rasulullah SAW bersabda, "Seorang wanita disiksa dan dimasukkan ke dalam neraka kerana seekor kucing yang dikurungnya sehingga ia mati kerana kelaparan." Rasulullah SAW selanjutnya berkata, (Allah lebih mengetahui) Allah berfirman (kepada wanita itu), 'Kamu tidak memberinya makan dan tidak memberi minum apabila kamu menguncinya, dan kamu tidak pula membebaskannya untuk memakan kutu bumi.' "	Sahih al-Bukhari (2365 & 3482), Sahih Muslim (2242) Status: Hadis Sahih
11	Apabila nafkah perempuan daripada makanan rumahnya yang tiada menfasadkan adalah baginya pahalanya dengan barang ia nafkah dan bagi suaminya pahalanya dengan barang yang ia usaha.	عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " إِذَا أَنْفَقَتِ الْمَرْأَةُ مِنْ بَيْتِ رَوْحِهَا غَيْرَ مُفْسِدَةٍ كَانَ لَهَا أَجْرُهَا وَلَهُ مِثْلُهُ بِمَا اكْتَسَبَ وَلَهَا بِمَا أَنْفَقَتْ وَلِلْحَازِنِ مِثْلُ ذَلِكَ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْتَقِصَ مِنْ أَجْرِهِمْ شَيْئًا " Maksudnya: “Jika seseorang wanita itu (isteri) bersedekah dengan harta suaminya tanpa timbulnya sebarang mafsadah, dia mendapat pahala sedekah, dan suaminya mendapat pahala seperti apa yang diusahakannya, dia (isteri) juga mendapat pahala seperti apa yang dinafkahkan. Begitu juga bagi orang yang menyimpannya (penjaga harta)	Sahih al-Bukhari (1425), Sahih Muslim (1024), Sunan Abu Dawud (1685) Status: Hadis Sahih

		akan mendapatkan hal yang sama, tanpa mengurangi sedikitpun pahala mereka.”	
12	Pada makna hadis yang sah bersabda Nabi SAW ayuhai perempuan hendaklah bersedekah kerana aku lihat kebanyakan ahli neraka perempuan beratnya mereka itu. Kerana apakah maka sabda ia kerana banyak laknat daripada kamu dan kesalahan daripada suami (Bukhari)	<p>أَرَيْتَ النَّارَ فَإِذَا أَكْثَرُ أَهْلِهَا، يَكْفُرُونَ قِيلَ: أَيَكْفُرُونَ بِاللَّهِ؟ قَالَ: يَكْفُرُونَ الْعَشِيرَةَ، وَيَكْفُرُونَ الْإِحْسَانَ، لَوْ أَحْسَنْتَ إِلَى إِخْدَاهُنَّ الدَّهْرَ، ثُمَّ رَأَتْ مِنْكَ شَيْئًا، قَالَتْ: مَا رَأَيْتُ مِنْكَ خَيْرًا قَطُّ</p> <p>Maksudnya: Sungguhnya Rasulullah SAW bersabda: Aku telah melihat ramai penghuni neraka itu adalah wanita.” Berkata para sahabat: Dengan sebab apa wahai Rasulullah? Jawab baginda : Dengan sebab mereka itu telah kafur.” Kata mereka lagi : Mereka kufurkan Allah? Jawab baginda : Mereka kufurkan nikmat kehidupan dan lupakan kebaikan. Jikalau kamu buat kebaikan kepada salah seorang mereka selamanya pun bila dia melihat satu kuburukkan dari kamu nescaya berkata ia: Tidak pernah ada satu kebaikan pun dari kamu.”</p>	<p>Sahih al-Bukhari (29), Sahih Muslim (907)</p> <p>Status: Hadis Sahih</p>
13	Membilang Rasulullah SAW tiga orang yang tak diterima daripada sembahyang dan tiada diangkat bagi mereka itu kepada langit satu kebajikan dan yang tiga perempuan yang mereka di atas suaminya (Tabrani)	<p>ثَلَاثَةٌ لَا تَجَاوِزُ صَلَاتَهُمْ آذَانَهُمْ: الْعَبْدُ الْآبِقُ؛ حَتَّى يَرْجِعَ، وَامْرَأَةٌ بَاتَتْ وَزَوْجُهَا عَلَيْهَا سَاخِطٌ، وَإِمَامٌ قَوْمٍ وَهُمْ لَهُ كَارِهُونَ</p> <p>Maksudnya: Nabi Muhammad SAW bersabda: "Tiga golongan yang solat mereka tidak diterima (oleh Allah): Seseorang yang mengimami suatu kaum, sedangkan mereka membencinya; seorang wanita yang tidur malam sedangkan suaminya dalam keadaan marah padanya; dan dua orang bersaudara yang saling memutuskan silaturahim."</p>	<p>Sunan al-Tirmidhi (360), Al-Tabrani (341)</p> <p>Status: Hadis Hasan</p>
14	Bahawa bauan perempuan barang zahir warna dan tiada zahir baunya (Abu Daud).	<p>أَلَا وَطَيْبُ الْبَسَاءِ لَوْنٌ لَا رِيحَ لَهُ</p> <p>Maksudnya: “Sesungguhnya wangian yang baik bagi wanita adalah yang terzahir warnanya dan tidak begitu kuat baunya.”</p>	<p>Sunan Abu Dawud (4048)</p> <p>Status: Hadis Sahih</p>
15	Mana-mana perempuan termasuk ia ke atas satu kaum akan mereka yang tiada daripada mereka itu yakni nisbah anak zina kepada suaminya maka tiada ia daripada Allah pada suatu dan tiada	<p>أَيُّ امْرَأَةٍ أَدْخَلْتُ عَلَى قَوْمٍ مِّنْ لَّيْسَ مِنْهُمْ فَلَيْسَتْ مِنَ اللَّهِ فِي شَيْءٍ وَلَنْ يُدْخِلَهَا اللَّهُ جَنَّاتِهِ</p>	<p>Sunan Abu Dawud (2263), Sunan al-Nasa'i (3481)</p>

	memasuk ia oleh Allah Taala di dalam syurga (Abu Daud).	Maksudnya: “Mana-mana wanita yang memasukkan kepada satu kaum sedangkan ia bukan daripada mereka, maka tiadalah daripada Allah sesuatu pun. Dan Allah pasti tidak memasukkannya (wanita tersebut) ke syurga.”	Status: Hadis Sahih
16	Kata Asma binti Abu Bakar RA bersabda Nabi SAW kepada aku nafkah olehmu dan jangan kamu kira. Maka dikira di atas kamu dan jangan kamu taruh. Maka ditaruh di atas kamu [Bukhari Muslim] (berkata Hazim) yakni jangan kamu bakhil menegah oleh Allah Taala daripada ganti dan tiada berkat bagi kamu.	أَنْفَقِي وَلَا تُحْصِي فَيُحْصِيَ اللَّهُ عَلَيْكَ، وَلَا تُوعِي فَيُوعِي اللَّهُ عَلَيْكَ Maksudnya: “Bersedekahlah dan janganlah kamu segan-segan kerana Allah akan memberi kamu dalam jumlah yang terhad; dan janganlah kamu menahan wang kamu kerana Allah akan menahannya daripada kamu.”	<i>Sahih Al-Bukhari</i> (2590, 2591, 1433, 1434) <i>Sahih Muslim</i> (1029), <i>Sunan al-Tirmidhi</i> (1960), <i>Sunan Abu Dawud</i> (1700), <i>Sunan Al-Nasa'i</i> (2549, 2550) Status: Hadis Sahih
17	Menegah Rasulullah SAW akan membanyak potong Quran berkhatam perempuan (Abu Daud).	لَا يَغْفَهُ مَنْ قَرَأَ الْقُرْآنَ فِي أَقَلِّ مِنْ ثَلَاثِ Maksudnya: “Sesiapa yang membaca al-Quran dalam tempoh kurang daripada tiga hari tidak memahaminya.”	<i>Sunan Al-Tirmidhi</i> (2949) Status: Hadis Hasan Sahih
18	Bersabda Rasulullah SAW bagi perempuan pada berjalan di jalan hendaklah taakhir mereka itu. Dan di atas mereka itu dengan tepi jalan adalah perempuan sahabat berjalan di tepi jidar (Abu Daud).	اسْتَأْخِرْنَ فَإِنَّهُ لَيْسَ لَكُنَّ أَنْ تَحْفَمْنَ الطَّرِيقَ عَلَيْكُنَّ بِحَافَاتِ الطَّرِيقِ. فَكَانَتِ الْمَرْأَةُ تَلْتَصِقُ بِالْجِدَارِ حَتَّى إِذَا تَوَبَّحَا لَيَتَعَلَّقُ بِالْجِدَارِ مِنْ لُصُوقِهَا بِهِ. Maksudnya: “Hendaklah kamu semua melambatkan perjalanan (berada di bahagian terakhir), kerana kamu tidak boleh berjalan di tengah jalan. Hendaklah kamu berjalan di bahagian tepi jalan.” Sehinggakan ada seorang wanita berjalan dengan berpaut pada dinding, sehingga pakaiannya melekat di dinding kerana hampir dengannya.	<i>Sunan Abu Dawud</i> (5272) Status: Dinilai sebagai hadis Hasan oleh al-Albani
19	Bersabda Rasulullah ayuhai manusia menegah kamu akan perempuan daripada pakai elok dan bermegah-megah di masjid (Ibnu Majah)	لَوْ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَأَى مَا أَخَذَتِ النِّسَاءُ لَمَنْعَهُنَّ الْمَسْجِدَ كَمَا مَنَعَتْ نِسَاءَ بَنِي إِسْرَائِيلَ Maksudnya: “Kalaulah Rasulullah SAW melihat apa telah terjadi kepada kaum wanita sekarang (daripada segi berhias, memakai wangian dan mencantikkan pakaian bagi menarik perhatian), sudah tentu Baginda akan melarang mereka	<i>Sahih al-Bukhari</i> (869), <i>Sahih Muslim</i> (445) Status: Hadis Sahih

		daripada pergi ke masjid sebagaimana kaum wanita Bani Israil dilarang.”	
	Maka dengan ini hadis nasikh hadis jangan menegah akan hamba perempuan Allah daripada rumah Allah ataupun suruh itu bagi mereka yang tiada jadi fitnah dengan hadir dia di masjid daripada yang tua yang hodoh.	<p>لَا تَمْنَعُوا إِمَاءَ اللَّهِ مَسَاجِدَ اللَّهِ، وَلَكِنْ لِيُخْرِجَنَّ وَهِنَّ تَفَلَاتٍ</p> <p>Maksudnya: “Janganlah kamu semua menghalang hamba-hamba Allah yang wanita daripada menziarahi masjid-masjid Allah, tetapi mereka boleh keluar (ke masjid) dalam keadaan tidak mewangikan diri.”</p>	<p><i>Sunan Abu Dawud</i> (565)</p> <p>Status: Dinilai sebagai hadis <i>Hasan Sahih</i> oleh al-Albani</p>
20	Bersabda Rasulullah daripada alamat kiamat banyak perempuan dan sedikit laki-laki (Bukhari) pada akhir zaman seorang laki-laki menjaga tujuh puluh perempuan.	<p>إِنَّ مِنْ أَشْرَاطِ السَّاعَةِ أَنْ يُرْفَعَ الْعِلْمُ، وَيَكْثُرَ الْجُهْلُ وَيَكْثُرَ الزَّيْنَاءُ، وَيَكْثُرَ شُرْبُ الْخَمْرِ، وَيَقْلَ الرِّجَالُ، وَيَكْثُرَ النِّسَاءُ حَتَّى يَكُونَ لِحَمْسِينَ امْرَأَةً الْقِيمَةُ الْوَاحِدُ.</p> <p>Maksudnya: “Sesungguhnya di antara tanda-tanda hari kiamat, ilmu (agama) diangkat dan tinggallah kejahilan (kebodohan), arak diminum, zina berleluasa di mana-mana, kaum lelaki menjadi sedikit dan tinggallah kaum perempuan, sehinggalah seorang lelaki menafkahi dan menanggung 50 orang wanita.”</p>	<p><i>Sahih al-Bukhari</i> (81, 5231, 5577, 6808),</p> <p><i>Sunan al-Tirmidhi</i> (2205)</p> <p>Status: Hadis Sahih</p>
21	Bersabda Rasulullah SAW banyak perempuan memakai di dunia dan bertelanjang di akhirat (Bukhari) padanya dua makna imma suci daripada pakainya atau daripada ibarat.	<p>قَرُبَ كَأَسْبَابِ فِي الدُّنْيَا عَارِيَةً فِي الْآخِرَةِ.</p> <p>Maksudnya: “Seorang (wanita) yang berpakaian di dunia ini mungkin bertelanjang di akhirat.”</p>	<p><i>Sahih al-Bukhari</i> (115)</p> <p>Status: Hadis Sahih</p>
22	Bersabda Rasulullah satu tempat di dalam neraka bagi perempuan daripada kerana laki-laki daripada hadis (Ibn Majah).	<p>يَا مَعْشَرَ النِّسَاءِ تَصَدَّقْنَ وَأَكْثِرْنَ مِنَ الْإِسْتِغْفَارِ فَإِنِّي رَأَيْتُكُمْ أَكْثَرَ أَهْلِ النَّارِ</p> <p>Maksudnya: “Wahai wanita, bersedekahlah dan perbanyakkan berdoa memohon ampun, kerana sesungguhnya aku telah melihat kamu adalah sebahagian besar daripada ahli neraka”.</p>	<p><i>Sunan Ibn Majah</i> (4003)</p> <p>Status: Hadis Sahih</p>
23	Bersabda Rasulullah bermula malu itu elok dan tetapi sangat elok pada perempuan (Hadis Ali)	<p>الْحَيَاءُ لَا يَأْتِي إِلَّا بِخَيْرٍ</p> <p>Maksudnya: “Malu itu tidak hadir kecuali dengan kebaikan.”</p>	<p><i>Sahih al-Bukhari</i> (6117), <i>Sahih Muslim</i> (37)</p> <p>Status: Hadis Sahih</p>


<p>24</p>	<p>Daripada athar mengajar olehmu akan anak perempuan kamu memintar benang dan janganlah kamu mengajar mereka itu menulis dan sebaik-baik permainan perempuan di dalam rumahnya memintar benang (Hadis al-Dailami)</p>	<p>لا تسكنوهن الغرف ولا تعلموهن الكتابة وسورة النور</p> <p>Maksudnya: “Janganlah kamu memberi tempat kepada mereka (wanita) di dalam kamar-kamar dan jangan kamu ajar mereka menulis, tetapi ajarlah mereka bagaimana memintal benang dan surah al-Nur.”</p>	<p>Ibn Hibban dalam <i>Al-Majruhin</i> (2/240), Al-Tabarani dalam <i>al-Mu'jam Al-Awsat</i> (5713)</p> <p>Status: Ibn al-Jawzi dan al-Dhahabi berkata: Hadis ini <i>Mawdu'</i></p>
<p>25</p>	<p>Daripada Anas datang perempuan bertanya Rasulullah daripada serupa anak dengan ibu atau bapanya maka menjawab ia dengan mendahului mani kepada rahim dan perempuan yang lain bertanya daripada kaifiat bersuci maka menarik oleh Aisyah suruh mengajar akan dia dengan hal itu. Hendaklah kami bertanya perkara-perkara ugama mengikut firmannya Taala (<i>Fas'alu ahla zikri</i>).</p>	<p>بَلَغَ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ سَلَامٍ مَقْدَمَ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ الْمَدِينَةَ، فَأَتَاهُ، فَقَالَ لِي سَأَلْتُكَ عَنْ ثَلَاثٍ لَا يَعْلَمُهُنَّ إِلَّا نَبِيٌّ، قَالَ مَا أَوْلُ أَشْرَاطِ السَّاعَةِ وَمَا أَوْلُ طَعَامٍ يَأْكُلُهُ أَهْلُ الْجَنَّةِ وَمِنْ أَيِّ شَيْءٍ يَنْزِعُ الْوَلَدُ إِلَى أَبِيهِ وَمِنْ أَيِّ شَيْءٍ يَنْزِعُ إِلَى أَحْوَالِهِ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ "أَمَّا أَوْلُ أَشْرَاطِ السَّاعَةِ فَنَارٌ تَخْشُرُ النَّاسَ مِنَ الْمَشْرِقِ إِلَى الْمَغْرِبِ. وَأَمَّا أَوْلُ طَعَامٍ يَأْكُلُهُ أَهْلُ الْجَنَّةِ فَرِيَاذَةُ كَبِدِ حُوتٍ. وَأَمَّا الشَّبَبَةُ فِي الْوَلَدِ فَإِنَّ الرَّجُلَ إِذَا غَشِيَ الْمَرْأَةَ فَسَبَقَهَا مَاؤُهُ كَانَ الشَّبَبَةُ لَهُ، وَإِذَا سَبَقَ مَاؤُهَا كَانَ الشَّبَبَةُ لَهَا". قَالَ أَشْهَدُ أَنَّكَ رَسُولُ اللَّهِ.</p> <p>Maksudnya: Daripada Anas r.a. bahawa telah sampai perkhabaran kepada Abdullah bin Salam tentang kedatangan Rasulullah SAW ke Madinah dan beliau telah menemui Baginda. Beliau berkata: “Aku akan bertanya kepadamu tentang tiga perkara yang tidak diketahui oleh seorang pun kecuali seorang Nabi. Apakah tanda pertama hari kiamat, apakah makanan pertama yang akan dimakan oleh ahli syurga, bagaimanakah seorang anak boleh mirip kepada bapanya dan menyerupai bapa saudaranya?” Rasulullah SAW bersabda: “Tanda pertama kiamat ialah kemunculan api yang menghimpunkan manusia dari timur ke barat, hidangan pertama ahli syurga ialah hati ikan paus, manakala kemiripan seorang anak dengan bapanya adalah ketika seorang suami mendatangi isterinya, lalu air mani suami mendahului air mani isterinya maka anak yang akan dilahirkan akan mirip dengan bapanya, dan jika air mani isterinya yang keluar dahulu, maka anak itu akan mirip dengan ibunya.” Maka ‘Abdullah bin Salam berkata: “Aku bersaksi bahawa kamu adalah Rasul Allah.”</p>	<p><i>Sahih al-Bukhari</i></p> <p>(3938, 3329, 4480)</p> <p>Status: Hadis Sahih</p>

Berdasarkan hadis-hadis yang telah disenaraikan dalam Jadual 1, majoriti hadis yang terdapat dalam kitab *Keselamatan Kaum Ibu kepada Jalan yang Dituju* adalah berstatus hadis sahih yang telah diambil daripada sumber-sumber *al-Kutub al-Sittah* seperti *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Sunan al-Tirmidhi*, *Sunan Abu Dawud*, *Sunan al-Nasa'i* dan juga *Sunan Ibn Majah*. Terdapat juga sumber selain *al-Kutub al-Sittah* seperti yang ditulis oleh Imam Ahmad, al-Tabarani, Ibnu Hibban, al-Albani dan lain-lain.

Adapun hadis yang dipilih adalah 25 hadis yang disenaraikan pada halaman 44 hingga 47 disusun berdasarkan nombor yang terkandung dalam kitab tersebut tanpa sebarang perubahan. Pada hadis nombor 19 (Rujuk Jadual 1), penulis telah meletakkan dua hadis yang berbeza yang menunjukkan bahawa salah satunya memansuhkan kandungan hadis sebelumnya. Hal ini juga menandakan bahawa jumlah hadis yang terkandung dalam kitab tersebut adalah melebihi daripada jumlah yang dilihat pada mata kasar. Setiap hadis perlu dibaca dengan teliti kerana terjemahan hadis yang ditulis adalah umum serta menggunakan penulisan bahasa Melayu lama yang banyak mengandungi maksud tersirat.

Melalui kajian menyeluruh terhadap teks-teks hadis daripada sumber asal, kajian ini mendapati bahawa status bagi 26 hadis yang disenaraikan dalam Jadual 1 terdiri daripada pelbagai kategori hadis yang berbeza. Kesemua status hadis tersebut dirujuk berdasarkan sumber-sumber sahih di mana para ulama hadis terkemuka telah mengemukakan pandangan mereka. Justeru, analisis yang mendalam terhadap pandangan ulama ini memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai kedudukan setiap hadis, sama ada ianya *sahih*, *hasan*, ataupun *da'if*, mahupun *mawdu'* mengikut kaedah-kaedah penilaian yang diterima dalam disiplin ilmu hadis.

Kategori status hadis tersebut boleh dibahagikan kepada lima (Rujuk Jadual 2). Majoritinya adalah hadis sahih iaitu berjumlah 18 hadis, dua hadis berstatus *hasan sahih* (berdasarkan penilaian al-Tirmidhi dan al-Albani), tiga hadis berstatus *hasan*, satu hadis berstatus *hasan gharib*, dan dua hadis *mawdu'* atau palsu (berdasarkan penilaian al-Albani, Ibn al-Jawzi dan al-Dhahabi). Klasifikasi hadis-hadis tersebut boleh dilihat berdasarkan Jadual 2 seperti berikut:



Jadual 2: Kategori status hadis dalam kitab *Keselamatan Kaum Ibu kepada Jalan yang Dituju*

Secara umumnya, penulisan teks hadis yang telah ditulis oleh pengarang kitab ini dimulakan dengan perkataan ‘*sabda Nabi SAW*’, ‘*membilang Rasulullah*’, dan ‘*bersabda Rasulullah*’ dan diikuti dengan terjemahan hadis dalam bahasa Melayu. Di samping itu, terdapat juga hadis yang terus dinyatakan terjemahan bahasa Melayu tanpa menjelaskan bahawa ia adalah sabda Rasulullah. Pada hadis ke-24, pengarang menggunakan istilah ‘*daripada athar*’ dengan tujuan untuk membezakan bahawa *athar* adalah berlainan daripada hadis. Terdapat pandangan berbeza dalam kalangan ulama tentang makna *athar*, ada yang berpandangan bahawa ia merujuk kepada kata-kata para sahabat atau tabi’in yang diriwayatkan, dan terdapat juga pandangan yang mengatakan bahawa *athar* dan hadis adalah sama iaitu merujuk kepada segala ucapan, perbuatan, dan pengakuan yang disandarkan kepada Rasulullah SAW (Al-Ghouri, 2012). Namun, hadis ke-24 tidak boleh disandarkan kepada Baginda memandangkan ia dipersetujui oleh ulama hadis sebagai hadis palsu.

Manakala dari sudut *takhrij hadis*, pengarang telah menyatakan beberapa sumber bagi hadis-hadis tersebut secara ringkas dalam kurungan di akhir teks terjemahan hadis seperti (*Bukhari dan Muslim*), (*Abu Dawud*), (*Ibn Majah*), dan lain-lain. Adapun terdapat enam hadis yang tidak dinyatakan sumber rujukan hadis yang asal. Hal ini juga didapati berlaku ke atas hadis-hadis lain yang terkandung dalam kitab tersebut tetapi tidak menjadi fokus kajian ini.

Tambahan itu, kajian ini juga mendapati bahawa terdapat dua buah hadis yang perlu ditambahbaik dari sudut terjemahannya kerana ia bercanggah dengan teks hadis yang asal dalam bahasa Arab iaitu hadis yang ke-20 dan 25 (Rujuk Jadual 1). Dalam hadis ke-20, terjemahan hadis yang dinyatakan oleh pengarang ialah: *Bersabda Rasulullah daripada alamat kiamat banyak perempuan dan sedikit laki-laki (Bukhari) pada akhir zaman seorang laki-laki menjaga 70 perempuan*. Dalam teks hadis asal berbahasa Arab yang diriwayatkan oleh al-Bukhari, Rasulullah menyatakan bahawa salah satu daripada tanda-tanda kiamat ialah bilangan kaum wanita lebih ramai berbanding lelaki sehinggalah seorang lelaki menafkahi dan menanggung 50 orang wanita, bukannya 70 orang wanita. Terjemahan hadis yang tepat ialah

“Sesungguhnya di antara tanda-tanda hari kiamat, ilmu (agama) diangkat dan tinggallah kejahilan (kebodohan), arak diminum, zina berleluasa di mana-mana, kaum lelaki menjadi sedikit dan tinggallah kaum perempuan, sehinggalah seorang lelaki menafkahi dan menanggung 50 orang wanita.”

Manakala bagi hadis yang ke-25, pengarang menyatakan bahawa soalan mengenai kemiripan seorang anak dengan bapanya telah ditanya oleh seorang perempuan, iaitu: “*Daripada Anas datang perempuan bertanya Rasulullah daripada serupa anak dengan ibu atau bapanya maka menjawab ia dengan mendahului mani kepada rahim*”. Walau bagaimanapun, rujukan teks asal dalam bahasa Arab berdasarkan sumber yang diriwayatkan oleh al-Bukhari menunjukkan bahawa soalan itu ditanya oleh seorang lelaki Yahudi bernama Abdullah bin Salam yang akhirnya memeluk Islam setelah Rasulullah SAW menjawab soalnya. Terjemahan yang tepat bersandarkan matan asal ialah: “Daripada Anas r.a. bahawa telah sampai perkhabaran kepada Abdullah bin Salam tentang kedatangan Rasulullah SAW ke Madinah dan beliau telah menemui Baginda...bagaimanakah seorang anak boleh mirip kepada bapanya dan menyerupai bapa saudaranya?” Rasulullah SAW bersabda: “... kemiripan seorang anak dengan bapanya adalah ketika seorang suami mendatangi isterinya, lalu air mani suami mendahului air mani isterinya maka anak yang akan dilahirkan akan mirip dengan bapanya, dan jika air mani isterinya yang keluar dahulu, maka anak itu akan mirip dengan ibunya.” (al-Bukhari, 2002).

Tidak dinafikan bahawa bahasa Melayu Jawi yang digunakan adalah salah satu cabaran penting dalam memahami maksud sebenar setiap penulisan dalam kitab tersebut, khasnya terjemahan kepada hadis yang dinyatakan. Proses ini seharusnya tidak dijadikan alasan untuk mengabaikan rujukan kepada kitab-kitab Jawi yang ditulis oleh ulama Nusantara yang berharga. Sebaliknya, pengkajian terhadap karya-karya tersebut adalah penting kerana ia mengandungi pemikiran dan warisan intelektual yang kaya, yang mampu memperkayakan pemahaman kita tentang agama dan budaya tempatan. Dengan merujuk kepada sumber-sumber ini, kita dapat menghargai sumbangan para ulama dalam membina tradisi keilmuan yang mendalam dan relevan dalam konteks masyarakat kita hari ini.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, pengarang kitab *Keselamatan Kaum Ibu kepada Jalan yang Dituju* iaitu Aishah binti Haji Muhammad Saleh merupakan salah seorang ulama wanita yang alim dan mahir dalam pengajian ilmu agama. Terjemahan hadis yang telah dimuatkan oleh beliau dalam karyanya ini bersumberkan kitab-kitab hadis yang muktabar iaitu *al-Kutub al-Sittah* dan kitab Sunan seperti *Sunan al-Tabarani* serta kitab-kitab hadis yang lain. Penulisannya ringkas dan mudah difahami oleh para pembaca pada zamannya dan ia memuatkan hadis-hadis asas yang penting untuk dipelajari oleh kaum wanita.

Hadis-hadis tersebut adalah rujukan bersama dengan ayat-ayat al-Quran tentang wanita yang dinyatakan di bahagian awal kitab. Kedua-dua sumber ini perlu dirujuk bersama, memperkukuh pemahaman wanita terhadap ajaran Islam. Dengan merujuk kepada kedua-dua

sumber ini, wanita dapat memperoleh pandangan yang lebih holistik dan mendalam mengenai prinsip-prinsip Islam, serta aplikasinya dalam kehidupan seharian.

Namun demikian, dalam merujuk kepada hadis, adalah menjadi tanggungjawab pembaca untuk peka terhadap sumber dan status hadis. Kesedaran ini penting bagi memastikan bahawa ajaran yang diterima dan dipraktikkan adalah berlandaskan kepada prinsip-prinsip yang benar dalam Islam. Dengan memahami perbezaan antara kategori status hadis yang berbeza, pembaca dapat menjauhi sebarang kekeliruan dan penyelewengan dalam memahami ajaran agama. Ini juga akan membantu dalam membina masyarakat yang lebih berilmu dan bertanggungjawab dalam menilai maklumat yang berkaitan dengan kepercayaan dan amalan agama.

Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar adanya penerbit buku yang boleh menerbitkan semula kitab ini dengan menjalankan *tahqiq* dan revisi terhadap dua perkara. Pertama, meletakkan sumber yang tepat bagi setiap hadis dan disertakan status hadis. Kedua, terjemahan hadis boleh dibaiki berdasarkan maksud hadis sebenar dengan merujuk kepada teks hadis yang asal. Seperti yang dinyatakan, terdapat pembetulan terjemahan teks hadis iaitu hadi ke-20 dan 25 yang perlu dilakukan sebagai langkah penambahbaikan terhadap kitab ini. Penerbitan semula karya ini wajar bagi mengiktiraf usaha ulama perempuan Melayu dan sumbangan mereka dalam tradisi keilmuan, serta menjadi inspirasi kepada generasi kini untuk menuntut dan menyampaikan ilmu.

RUJUKAN

- Al-Bukhari, Abu ‘Abdullah Muhammad bin Isma’il, (2002), *Sahih al-Bukhari*, Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Al-Dhahabi, Syams al-Din bin Ahmad, (1998), *Talkhis Kitab al-Mawdu’at*, Riyad: al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa’udiyyah.
- Al-Ghouri, Abd al-Majid. (2012). *Mu’jam al-Mustalahat al-Hadithiyyah*. Selangor: Institut Kajian Hadis (INHAD).
- Al-Nasa’i, Abu ‘Abd al-Rahman Ahmad bin Syu’ayb, (2014), *Sunan al-Nasa’i wa Huwa al-Mujtaba*, ‘Imad al-Tiyyar et al. (ed.), Damsyik: Mu’assasah al-Risalah.
- Al-Naysaburi, Abu al-Husayn Muslim al-Hajjaj al-Qusyayri, (1991), *Sahih Muslim*, Muhammad Fu’ad ‘Abd al-Baqi (ed.), Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Qazwini, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Yazid, (t.t.), *Sunan Ibn Majah*, Muhammad Fu’ad ‘Abd al-Baqi (ed.), Kaherah: Dar Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- Al-Sijistani, Abu Dawud Sulayman bin al-Asy’at al-Azadi, (2009), *Sunan Abi Dawud*, Shu’ayb al-Arnaut et al. (ed.), Beirut: Dar al-Risalah al-‘Alamiyyah.

- Al-Tirmidhi, Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sawrah, (t.t.), *al-Jami' al-Mukhtasar min al-Sunan 'an Rasulillah Salla Allah 'alayhi wa Sallam al-Ma'ruf bi Jami' al-Tirmidhi*, Muhammad bin Salih al-Rajih (ed.), Riyad: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.
- Dusuki Ahmad (2016). *Khadijah Tok Selehor*. Tumpat: Yayasan Darul Hanan.
- Ibn al-Jawzi, Abu al-Farj 'Abd al-Rahman, (1966), *Kitab al-Mawdu'at*, 'Abd al-Rahman Muhammad Uthman (ed.), Madinah: al-Maktabah al-Salafiyyah.
- Ibrahim, N., Zainan Nazri, N.M., Daud, Z. & Salaeh, A. (2024). Hajjah Khadijah Abdul Rahman: Reviving Female Malay Scholar. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 9(64), 94–100.
- Ismail Che Daud, (2001), *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1)*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, Ahmad Firdaus Mohd Noor, Khafizatunnisa' Jaapar, Abd. Munir Mohd Noh, & Abd. Nasir Musa (2022). Kemapaman Unsur Tradisi Dalam Survival Institusi Pondok di Kelantan. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(1), 1-16.
- Nik Safiah Karim (2014). *Tokoh Wanita Kelantan*. Kota Bharu: Universiti Malaysia Kelantan.
- Tengku Yusuff. (2021). *Permata Didikan Tok Kenali - Jilid 1*. Pendang, Kedah: Pustaka Alam Melayu.
- Tengku Yusuff. (2022). *10 Ulama Terulung Tanah Melayu*. Pendang, Kedah: Pustaka Alam Melayu.
- Wan Mohd Saghir Abdullah & Abdul Razak Abd Rahman. (2019). *Himpunan Kitab Turath Karya Ulama Perempuan di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.